

PENGUNAAN *WeChat* DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN KURSUS PENGAJARAN KURIKULUM BAHASA CINA PELAJAR PISMP

Yap Chin Huat
huat008@gmail.com

Tay Yong Choo
tyc79@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan menambah baik amalan pembelajaran dan pengajaran (P&P) salah seorang penyelidik dalam kajian ini serta meningkatkan penyertaan dan tumpuan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) kumpulan Bahasa Cina (BC) dalam kuliah penyelidik berkenaan. Kajian ini melibatkan 25 orang pelajar PISMP BC yang terdiri daripada seorang pelajar lelaki dan 24 orang pelajar perempuan. Kajian ini menggunakan perisian "*WeChat*" sebagai sumber perantaraan bagi memaparkan kandungan PdP kursus yang diajar. Kaedah pemerhatian melibatkan penggunaan borang pemerhatian dan gambar, catatan nota lapangan dan soal selidik digunakan untuk mengumpul data kajian. Data kemudian dianalisis menggunakan tema dan peratusan. Bagi menyemak data kajian ini, triangulasi kaedah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan *WeChat* dapat menambah baik amalan PdP salah seorang penyelidik kajian ini serta meningkatkan penyertaan dan tumpuan pelajar PISMP dalam kuliah penyelidik berkenaan.

Kata kunci: *WeChat*, pembelajaran dan pengajaran dan pembelajaran, pelajar PISMP BC, kursus Pengajaran Kurikulum Bahasa Cina

Abstract

The research was conducted to improve one of the researcher's learning and teaching practices and to increase the PISMP Chinese Language (PISMP BC) students' participation and focus during the researcher's lecture. This research involved 25 PISMP BC students, consisted of one male and 24 female student. This research employed the usage of *WeChat* as a source of medium to present the course content during lecture. Observation involving the used of observation forms and pictures, field notes and survey were used in collecting data. Analysis of data in this study comprised of thematic analysis and percentage. Checking of data was conducting using method triangulation. It was found that *WeChat* improved the researcher's learning and teaching practices and increased the PISMP BC students' participation and focus during the researcher's lecture.

Keywords: *WeChat*, learning and teaching, PISMP BC students, Teaching of Chinese Language Curriculum Course

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara pada alaf ke-21. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang merupakan satu usaha lestari bagi membangunkan generasi muda yang berkualiti dan bermutu tinggi pada masa hadapan. Oleh itu, sistem pendidikan kebangsaan memerlukan usaha-usaha yang mantap lagi sistematik yang boleh meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalan pendidikan selain menerajui sistem tersebut ke tahap yang tinggi dan cemerlang agar dapat menangani cabaran-cabaran abad ke 21 khususnya. Di sinilah peri penting alat dan aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat (TMK) dan salah satu aplikasi yang mendapat sambutan pengguna ialah aplikasi "*WeChat*."

Aplikasi *WeChat* melibatkan perkhidmatan mesej teks dan suara komunikasi mudah alih yang dibangunkan oleh *Tencent* di China dan pertama kali dikeluarkan pada Januari 2011. Ia adalah aplikasi mesej atau pembekal perkhidmatan *internet* yang komprehensif di negara China dengan produk terkenal *QQIM*. Aplikasi ini boleh didapati pada *Android*, *iPhone*, *BlackBerry*, *Windows Phone*, telefon *Symbian* dan *Java*. Sehingga Oktober 2013, *WeChat* mempunyai 600 juta pengguna.

WeChat merupakan perisian mudah alih yang boleh menghantar mesej teks, mesej suara, imej gambar, video dan perkongsian lokasi dengan cepat melalui *internet* dan menyokong sekumpulan orang berbual pada suatu masa. Ia boleh bertukar-tukar kenalan dengan orang yang berhampiran melalui *Bluetooth*, dan juga menyediakan pelbagai ciri untuk menghubungi seseorang secara rawak jika dikehendaki dan boleh diintegrasikan dengan perkhidmatan rangkaian sosial seperti yang dikendalikan oleh *Facebook* dan *Tencent QQ*. *WeChat* pada masa ini adalah percuma untuk dimuat turun dan diguna. Penggunaan *Wechat* adalah selaras dengan Anjakan Ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) yang bertujuan untuk memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Konteks

Kami berdua merupakan pensyarah baharu yang sekarang berkhidmat di jabatan yang berbeza iaitu di Jabatan Pengajian Melayu dan Unit Pengajian Cina Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGK BL). Kami berpengalaman mengajar di IPGK BL selama dua tahun sahaja. Selama ini, kami kebiasaannya menggunakan LCD projektor untuk mengendalikan aktiviti P&P dalam bilik kuliah. Kami mendapati tumpuan pelajar pada permulaan sesi P&P adalah baik tetapi bukannya pada pertengahan proses P&P. Tumpuan mereka tidak kekal menyebabkan hasil pembelajaran tidak begitu memberangsangkan. Semasa tinjauan awal kajian ini dalam kalangan pelajar PISMP Bahasa Cina (BC), iaitu salah satu kumpulan yang diajar oleh Yap Chin Huat, kami hampir kesemua pelajar berkenaan mempunyai telefon bimbit pintar yang mempunyai perkhidmatan melayari internet dan ini merupakan keperluan bagi generasi muda sekarang. Dari situ, kami terpenggal bagi mengendalikan aktiviti P&P dengan menggunakan telefon bimbit pintar yang berperisian *WeChat* sebagai langkah penambahbaikan P&P kami. Antara kebaikan penggunaan *WeChat* adalah aktiviti P&P boleh dikendalikan sama ada dalam atau luar bilik kuliah. Ini berbeza daripada pelaksanaan P&P tradisional di mana proses P&P kebiasaannya hanya berlangsung dalam bilik kuliah sahaja. Dalam pengendalian penyelidikan ini, saya, Yap, merupakan pelaksana proses

P&P bagi kursus Pengajaran Kurikulum BC dalam kalangan pelajar PISMP BC manakala Tay Yong Choo, merupakan rakan penyelidik dalam kajian ini.

Fokus Kajian

Bagi seseorang guru, maksud pengajaran perlu dan wajib difahami sebelum mereka memasuki bilik darjah. Pengajaran merupakan satu proses aktiviti yang khususnya disusun untuk membawa perubahan kepada pelajar dari segi ilmu, kemahiran dan nilai. Sebagai seorang guru, banyak amalan perlu dilakukan agar P&P dalam kelas berkesan dan bermakna kepada pelajar. Suasana P&P akan menjadi hambar dan tidak bermakna kepada pelajar sekiranya mutu P&P tidak berada pada tahap yang memuaskan.

Berdasarkan apa yang telah diperhatikan dan perbincangan secara tidak formal sesama kami penyelidik, kami mendapati senario pembelajaran masa kini menunjukkan pelajar tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya semasa sesi P&P di bilik darjah. Pelajar PISMP BC bagi kursus Pengajaran Kurikulum BC hanya dapat menumpukan perhatian pada masa 30 minit pertama dan selepas itu, mereka hilang tumpuan sepenuhnya. Rajah 1 menunjukkan catatan saya pada salah satu Rancangan Mingguan bagi kursus berkenaan.

Minggu Tarikh	Tajuk dan Kandungan	Hasil Pembelajaran	Kuliah (jam)	Tutorial (jam)	Amali (jam)	ISL (jam)	Catatan
M3 1/7-5/7	阅读教学 a. 预期学习成果 b. 范畴和活动建议	1.阐明小学华文课程纲要 P&P berlangsung dengan cara soal jawab dan pelajar tidak dapat menumpu perhatian pada pertengahan sesi P&P.	概要讲述： 阅读教学预期学习成果的辨识 (2jam)	师生讨论： 阅读教学的范畴和活动建议 是否有效地达致其预期学习成果。 (1jam)	-	以图表列出第一至第六学年的阅读教学的预期学习成果。	课堂教学如期进行。师生以问答形式进行教学。教学后半段学生开始不能集中注意力。

Rajah 1. Rancangan Mingguan bagi Minggu ke-3 bagi Kursus Pengajaran Kurikulum BC

Pelajar PISMP BC didapati tidak dapat menumpu perhatian pada pertengahan sesi P&P saya pada minggu ketiga. Ini menyokong pendapat James (1890) bahawa proses memberi tumpuan itu adalah terhad kerana manusia hanya mampu tertumpu pada satu perkara dalam satu masa. Proses penumpuan juga mempunyai sifat terpilih kerana manusia boleh memilih sesuatu tumpuan pada satu masa dan penumpuan juga sangat berkait rapat dengan konsep kesedaran yang merupakan satu situasi dalam apa-apa jua masa.

Pemilihan isu keperihatinan kajian ini adalah atas kesedaran kami terhadap situasi yang berlaku yang mana guru bercakap di hadapan kelas dan pelajar duduk secara pasif. Mungkin pembelajaran berlaku dalam tempoh beberapa minit pada awal pengajaran, tetapi hanya guru yang menjalankan aktiviti. Talian komunikasi antara guru dengan pelajar sangat rapuh dan dalam sekelip mata sahaja terputus kerana pelajar kurang berminat. Malahan, dalam situasi pembelajaran seperti ini, pelajar yang dedikasi sekalipun akan berasa bosan dan terus 'hanyut' jauh dari kelas. Perancangan pengajaran yang baik dan menarik serta pelbagai pendekatan

yang digunakan merupakan antara faktor yang boleh menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif dan selesa untuk memotivasikan pelajar belajar. Sekiranya teknik pengajaran yang digunakan berkesan, maka secara tidak langsung ini akan memudahkan pelajar mengikuti pembelajaran dalam atau luar bilik darjah.

Masalah kritikal yang kami kenal pasti melalui pemerhatian semasa tinjauan awal ialah apabila pensyarah menyoal, pelajar menjawab, dan apabila pelajar menyoal, pensyarah pula menjawab. Ini adalah bentuk penglibatan pelajar yang lazim berlaku dalam bilik darjah. Namun, tidak dinafikan bahawa aktiviti ini tinggi nilainya apabila dikendalikan dengan betul.

Berdasarkan masalah yang ditemui, kami telah merancang beberapa tindakan bagi menghadapi masalah ini. Perbincangan dan pembacaan mengenai cara untuk mengatasi masalah yang timbul dari aspek P&P telah kami laksanakan. Justeru, kami berputus untuk membuat penambahbaikan proses P&P melalui penggunaan *WeChat*. Mengikut Kolahi (2002), perkembangan teknologi yang pesat daripada sistem analog kepada sistem digital dan kini mula beralih kepada sistem digital generasi ketiga (3G) perlu dimanfaatkan oleh bidang kurikulum bagi menghasilkan P&P yang lebih menarik dan berkesan. Tambahan, telefon bimbit juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan pelajar sebagai alat untuk berkomunikasi dan telah berjaya menarik minat golongan muda (Analisa Hamdan et al., 2012).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- menambah baik amalan P&P melalui penggunaan *WeChat* dalam kursus Pengajaran Kurikulum BC dalam kalangan pelajar PISMP BC; dan
- meningkatkan penyertaan dan tumpuan pelajar PISMP BC dalam kuliah kursus Pengajaran Kurikulum BC melalui penggunaan *WeChat*.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian ini, soalan kajian yang ingin kami terokai adalah seperti berikut.

- Bagaimana penggunaan *WeChat* menambah baik amalan P&P dalam kursus Pengajaran Kurikulum BC bagi kumpulan PISMP BC?
- Apakah kesan penggunaan *WeChat* terhadap penyertaan dan tumpuan pelajar PISMP BC semasa kuliah kursus Pengajaran Kurikulum BC?

Tinjauan Literatur

Kajian-kajian lepas menunjukkan teknologi mudah alih dapat memberikan kesan yang signifikan dalam menyokong P&P (contoh, Zurita & Nussbaum, 2004). Sementara itu Wood (2003) pula berpendapat penggunaan teknologi *wireless* dalam pendidikan dapat menyumbang ke arah menyelesaikan jurang digital dalam kalangan negara-negara membangun, kerana pada umumnya peralatan teknologi seperti telefon bimbit dan *personal digital assistant (PDA)* adalah lebih murah berbanding dengan komputer riba. Selain itu, hasil tinjauan kajian lepas menunjukkan penggunaan peralatan mudah alih dalam P&P meningkatkan prestasi serta merangsang minat pelajar dalam mata pelajaran seperti Sains dan Matematik (Metcalf, Milrad, Cheek, Raasch & Hamilton, 2008).

Teknologi komunikasi mudah alih telah menyediakan pelbagai alternatif dan kemudahan untuk berhubung. Sebagai contoh, telefon bimbit tidak lagi terhad bagi tujuan menerima dan membuat panggilan semata-mata. Telefon bimbit juga sudah dilengkapi dengan kemudahan menghantar dan menerima *e-mail*, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan khidmat pesanan *multimedia* (MMS) yang hadir dalam bentuk gabungan muzik, gambar, jujukan-jujukan animasi dan rakaman video pendek (Donald, 2003). Selain itu, menurut Wood (2003), penggunaan teknologi *wireless* dalam pendidikan dapat menyumbang ke arah menyelesaikan jurang digital dalam kalangan negara-negara membangun, kerana pada umumnya peralatan teknologi seperti telefon bimbit dan *PDA* adalah lebih murah berbanding komputer *desktop*.

Penggunaan telefon pintar (*smart phone*) semakin popular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Telefon pintar merujuk kepada telefon bimbit yang mempunyai ciri pengkomputeran maju dan ketersambungan berbanding dengan telefon bimbit biasa. Telefon pintar membolehkan penggunaannya memasang aplikasi canggih di dalamnya berasaskan pelantar telefon seperti *Symbian*, *Android*, *iOS* atau *Windows Phone*. Selain itu, telefon pintar juga menggunakan sistem pengendalian yang menyediakan satu pelantar untuk pembinaan aplikasi.

Pada masa dahulu, telefon pintar ini hanya mampu digunakan oleh warga korporat dan ahli perniagaan yang berjaya, tetapi kini telefon pintar juga mampu dimiliki oleh pelajar-pelajar di Malaysia. Melalui telefon pintar, pelajar boleh menghubungi ibu bapa, rakan-rakan dan pensyarah di samping mendengar suara, melihat wajah dan akses kepada pelbagai maklumat yang diperlukan bagi menyempurnakan tugas.

Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan

Perancangan Tindakan

Ketika menjalani P&P di bilik kuliah, kami mendapati kumpulan pelajar yang kami berinteraksi suka menggunakan telefon bimbit. Lantaran itu, selepas perbincangan kami, kami pun bersetuju agar salah seorang daripada kami memperkenalkan *WeChat* dalam pengajaran bagi menambah baik dan meningkatkan tumpuan pelajar dalam proses P&P secara kuliah. Saya bersetuju berbuat demikian.

Perisian *WeChat* merupakan perisian mudah alih yang mana orang ramai boleh menghantar mesej suara/video imej dengan cepat dan menyokong sekumpulan orang berbual pada satu masa. Lantaran itu, kami telah mewujudkan "*chat kumpulan*" yang berperanan sebagai kumpulan fokus kuliah dalam satu tempoh masa iaitu dari Julai hingga September 2014. Sesi interaksi melalui *WeChat* boleh dilakukan dalam atau luar kelas bergantung kepada keperluan dan konteks. Justeru, slaid pengajaran untuk setiap sesi kuliah setiap kali sebelum sesuatu sesi kuliah bermula dimuat naik. Pelajar juga digalakkan menggunakan fungsi *WeChat* untuk mengikuti P&P sama ada dalam atau luar kelas.

Pelaksanaan Tindakan

Selepas mengenal pasti kelemahan dalam proses P&P melalui pemerhatian semasa tinjauan awal, kami telah melaksanakan tindakan dengan secara berperingkat iaitu bermula dari 29 Julai 2014 pada waktu P&P dalam kelas atau luar kelas. Tempoh pelaksanaan tindakan bermula dari 29 Julai 2014 hingga 22 September 2014.

Berikut adalah langkah-langkah bagi aplikasi penggunaan *Wechat* dalam proses P&P kursus Pengajaran Kurikulum BC kumpulan PISMP BC.

Langkah 1: Memberi pendedahan berkaitan dengan penggunaan *WeChat* dalam sesi kuliah. Untuk memulakan kajian, satu sesi penerangan penggunaan aplikasi telah dilaksanakan bagi semua pelajar PISMP BC. Penerangan setiap proses P&P dibuat secara terperinci dan jelas.

Langkah 2: Mewujudkan “Chat kumpulan” BC. Seterusnya, pelajar kumpulan berkenaan diminta untuk mewujudkan “chat kumpulan” dengan seorang moderator untuk menambahkan nama semua pelajar dalam kumpulan itu.

Langkah 3: Melaksanakan tindakan. Kami memberi penekanan tentang pengaplikasian *WeChat* dalam proses P&P dalam atau luar kelas. Semasa sesi kuliah, saya menggunakan slaid pengajaran yang telah dimuat naik ke perisian *WeChat*. Pelajar juga diminta membuka *WeChat* berkenaan dan menggunakannya untuk mengikuti proses pembelajaran, mendapatkan bahan sebagai bahan rujukan dan memuat naik serta menyimpan nota atau hasil kerja mereka dalam aplikasi tersebut.

Kaedah Kajian

Peserta Kajian

Kami telah memilih kelas PISMP BC yang terdiri daripada 25 orang pelajar pelatih sebagai peserta penyelidikan kami.. Kelas ini mengandungi seorang lelaki (4%) dan 24 orang perempuan (96%). Kelas ini dipilih sebagai peserta kajian kerana kami mendapati mereka hanya menumpukan perhatian pada 30 minit pertama sesi P&P dan selepas itu, mereka kelihatan bosan dan pasif. Selain itu, saya, selaku pensyarah kursus Pengajaran Kurikulum BC adalah peserta kajian manakala Tay pula berupa rakan penyelidik dalam kajian ini.

Etika Penyelidikan

Sebelum melaksanakan penyelidikan tindakan, kami telah mendapatkan persetujuan daripada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat dan bahan berkaitan. Selain itu, kami turut menghormati hak peserta kajian dengan menjaga kerahsiaan dari segi nama dan kumpulan pelajar.

Teknik Mengumpul Data

Dalam proses pengumpulan data, saya menggunakan borang pemerhatian semasa melakukan pemerhatian, catatan nota lapangan, soal selidik dan temu bual.

Pemerhatian. Pemerhatian dijalankan sepanjang pelaksanaan tindakan dalam kajian ini. Pemerhatian yang kami jalankan dalam kajian ini adalah pemerhatian secara langsung. Pemerhatian dibuat bertujuan untuk memerhati gerak laku serta memperoleh maklum balas daripada kumpulan sasaran semasa sesi P&P. Pemerhatian ini dicatat dalam borang pemerhatian. Menurut Lim (2000), borang pemerhatian adalah satu dokumen yang disediakan untuk merekod apa yang diperhatikan secara sistematik dan teratur. Dalam borang pemerhatian, aspek-aspek yang tertentu seperti tumpuan pelajar selepas 30 minit, respon pelajars dan dan penyertaan pelajar dengan penggunaan *WeChat* direkodkan.

Sementara itu, kami juga membuat rakaman visual yang berbentuk gambar untuk mengumpul data pemerhatian. Data pemerhatian yang berbentuk gambar ini

dapat membantu kami mengenal pasti kesan tindakan yang dilaksanakan dan bahan sebagai sokongan kepada pemerhatian yang dicatat dalam nota lapangan.

Catatan nota lapangan. Kaedah kedua yang kami gunakan ialah catatan nota lapangan. Perkara yang difokuskan dalam nota lapangan merangkumi aktiviti, tumpuan, penyertaan peserta kajian dan refleksi sendiri. Nota lapangan ini menunjukkan rekod maklumat perkembangan peserta dari permulaan hingga ke akhir pelaksanaan penyelidikan tindakan ini. Nota lapangan dijadikan sebagai rujukan sekiranya terdapat kemusykilan dalam analisis proses P&P.

Soal selidik. Kami juga menggunakan soal selidik untuk memperoleh maklumat penilaian dan pandangan peserta tentang proses P&P. Menurut Mohd. Majid Konting (2000), penggunaan borang soal selidik dapat meningkatkan ketetapan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh responden kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Contoh soal selidik yang digunakan serta dijawab oleh peserta kajian setelah tindakan diambil adalah seperti ditunjukkan pada Rajah 2.

Bulatkan jawapan berikut:					
Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S SS
1.	Saya suka menghadiri kuliah yang diajar dengan penggunaan "WeChat" .				
2.	Saya menumpukan perhatian di dalam/ luar kelas yang diajar dengan penggunaan "WeChat" .				
3.	Saya menghayati segala contoh, simulasi dan analogi yang ditunjukkan oleh pensyarah.				
4.	Saya tidak mudah berasa bosan semasa pembelajaran berlangsung.				
5.	Saya mudah faham dengan gambar rajah/ slaid yang dipaparkan di dalam "WeChat" semasa pengajaran.				
6.	Penggunaan "Wechat" dalam proses PdP amat seronok.				
7.	Saya mendapati penggunaan "Wechat" dalam pengajaran pensyarah telah meningkatkan minat saya terhadap pengajaran pensyarah berbanding dengan kaedah pengajaran biasa.				
8.	Penggunaan "Wechat" ini meningkatkan penglibatan saya dalam mencari Ilmu.				
9.	Penggunaan "Wechat" sesuai dijalankan untuk subjek Bahasa Cina.				
10.	Kesediaan pensyarah dalam melaksanakan penggunaan "WeChat" dalam PdP.				

Rajah 2. Contoh Soal Selidik

Temu bual. Temu bual turut kami lakukan dengan peserta kajian selepas pelaksanaan *Wechat* dalam proses P&P. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas peserta terhadap kesan penggunaan *Wechat* dalam proses P&P. Kami menemu bual tiga orang peserta kajian yang dipilih secara rawak dari kumpulan PISMP BC bagi memperoleh pendapat peserta tentang minat peserta kajian terhadap penggunaan *WeChat* dalam proses P&P.

Teknik Menganalisis Data

Data dalam kajian ini yang dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian seperti catatan nota lapangan, gambar dan temu bual dianalisis berdasarkan tema seperti 'seronok', 'minat', 'sesuai' terhadap penggunaan *WeChat*. Data daripada soal selidik pula dianalisis menggunakan peratus (%) bagi pernyataan yang terkandung pada soal selidik.

Teknik Menyemak Data

Data dalam kajian ini disemak menggunakan triangulasi antara kaedah seperti antara kaedah pemerhatian menggunakan nota lapangan, gambar, temu bual dan soal selidik.

Refleksi Dapatan

- **Bagaimana penggunaan *WeChat* menambah baik amalan P&P dalam kursus Pengajaran Kurikulum Bahasa Cina bagi kumpulan PISMP BC?**


Secara keseluruhan, penggunaan *WeChat* dalam proses P&P telah menunjukkan kesan yang positif. Penggunaan *WeChat* telah membolehkan saya memantapkan lagi kaedah pengajaran saya semasa interaksi dengan pelajar PISMP BCi. Ini jelas ditunjukkan melalui catatan nota lapangan tentang kesan positif dalam P&P saya seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.

Minggu:
Tarikh: 12 Ogos 2014
Masa:
Aktiviti : Penggunaan "*Wechat*" dalam PdP
Kehadiran : 25 orang
catatan :
Kami telah menggunakan "*Wechat*" untuk sesi P&P di luar kelas. kelihatan di muka mereka perasaan **seronok** menggunakan telefon bimbit untuk menjalankan PdP dengan "*Wechat*". Mereka mengikuti kuliah sambil menekan paparan slaid dengan "*Wechat*". Mereka **minat** dan memberi respon kepada pensyarah.

Menunjukkan pelajar kumpulan ini seronok dan minat mengikuti PdP.

Rajah 3. Catatan nota lapangan tentang P&P (12 Ogos 2014)

Penyelidikan tindakan ini juga memberikan kesan dari segi membolehkan pelajar menyedari manfaat dan kepentingan sistem teknologi mudah alih yang boleh dijadikan alternatif kemudahan dan sumber berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum pada masa kini dan hadapan. Penggunaan *WeChat* juga merupakan penambahbaikan pada kaedah pengajaran saya selaku pensyarah. Malahan, penggunaan aplikasi ini menambah baik komunikasi di antara saya selaku pensyarah dengan pelajar saya bukan sahaja dalam kelas tetapi juga di luar kelas (Sila rujuk Rajah 3).



Rajah 4. Penggunaan *WeChat* dalam P&P dalam dan luar kelas

Rajah 4 menunjukkan pemerhatian semasa kajian dengan rakaman gambar di dalam dan luar kelas. Kami mendapati bahawa pelajar kumpulan BC telah

menunjukkan perubahan dari segi tingkah laku negatif dalam kelas kepada yang positif ekoran daripada kesan penggunaan *WeChat*. Dengan penggunaan *WeChat*, pembelajaran secara interaktif menarik tumpuan dan perhatian mereka dengan lebih lama berbanding dengan yang sebelumnya. Selain itu, rasa ingin tahu antara mereka juga dapat dipupuk dengan menggunakan sistem teknologi yang diminati mereka. Rajah 5 pula menunjukkan respons salah seorang pelajar tentang penggunaan *WeChat* semasa temu bual dilakukan pada 22 Oktober 2014.

Kami : Awak rasa seronok tak apabila cikgu mengajar menggunakan *WeChat*?
Peserta X: **Seronok**, kerana tidak pernah pun ada penggunaan teknik ini dalam pengajaran.
Kami : Awak rasa sesuai dan senang tak untuk mengadakan sesi kuliah dalam *WeChat* ini?
Peserta X: Ya, **sesuai** dan senang.

Rajah 5. Respons salah seorang pelajar semasa temu bual tentang penggunaan *WeChat* (22 Oktober 2014)

Berdasarkan transkrip temu bual yang dianalisis, kami merumuskan bahawa penggunaan *WeChat* dalam P&P dapat menambah baik amalan pengajaran kami sama ada di dalam ataupun di luar kelas kerana pelajar seronok dan dapati aplikasi tersebut sesuai untuk mengadakan sesi kuliah. Penggunaan *WeChat* telah mendatangkan impak positif dalam menambah baik amalan mengajar saya.

Selain itu, kesan penggunaan *WeChat* dalam proses P&P turut diperoleh dari soal selidik. Terdapat tiga item pada soal selidik yang berkaitan dengan kesan pelajar dari segi pemahaman selepas 30 minit pertama menggunakan *WeChat* dalam P&P. Jadual 1 menunjukkan analisis dapatan soal selidik.

Jadual 1


Respons Pelajar tentang Kesan Penggunaan WeChat

Item	Sangat Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
1	96	4
5	96	4
9	96	4

Berdasarkan Jadual 1, maklum balas yang diperoleh adalah positif kerana 24 (96%) orang responden sangat setuju dengan item 1 dan 5 yang berkaitan dengan penggunaan *WeChat* semasa proses P&P dijalankan. Seterusnya, 24 (96%) orang responden sangat setuju dengan kenyataan bahawa penggunaan *WeChat* banyak menggalakkan pemahaman mereka dan sesuai digunakan dalam proses P&P.

- **Apakah kesan penggunaan *WeChat* terhadap penyertaan dan tumpuan pelajar PISMP BC semasa kuliah kursus Pengajaran Kurikulum BC?**

Penggunaan *WeChat* telah menyebabkan pelajar PISMP BC melibatkan diri serta memberi tumpuan semasa kuliah kursus Pengajaran Kurikulum BC seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6.



Rajah 6. Penggunaan *WeChat* dalam P&P kursus Pengajaran Kurikulum BC

Daripada Rajah 6, didapati pelajar menumpukan perhatian semasa kuliah dijalankan. Pelajar juga lebih menumpukan perhatian berbanding dengan sebelumnya semasa kuliah. Mereka juga menunjukkan penglibatan yang positif semasa berlangsung proses P&P. Penglibatan positif setiap pelajar merangkumi tindakan para pelajar yang memainkan peranan masing-masing dengan memuat turun semua slaid kuliah sebelum pensyarah memulakan sesi kuliah. Di samping itu, penggunaan *WeChat* turut meningkatkan komitmen dan penyertaan pelajar semasa sesi PdP berlangsung.

Soal selidik juga digunakan untuk mengesan penyertaan dan tumpuan pelajar PISMP BC dalam PdP yang penggunaan *WeChat*. Soal selidik ini mempunyai lima item bagi menentukan penyertaan dan tumpuan pelajar dalam kuliah selepas penggunaan *WeChat*. Jadual 2 menunjukkan analisis soal selidik mengenai penggunaan *WeChat* dalam P&P.

Jadual 2

Maklum Balas Pelajar PISMP BC tentang Penggunaan WeChat pada Soal Selidik

Item	Sangat Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
2	92	8
3	92	8
4	96	4
6	96	4
7	96	4
8	96	4

Daripada Jadual 2, didapati 23 (92%) orang pelajar memberi maklum balas positif kerana 23 (92%) responden sangat setuju dengan item 2 dan 3 iaitu penggunaan *WeChat* dapat menggalakkan mereka menumpukan perhatian selepas 30 minit pertama dalam proses P&P. Selain itu, 24 (96%) responden pula menunjukkan sangat setuju bahawa penggunaan *WeChat* amat seronok, membantu dan meningkatkan penglibatan mereka untuk mencari ilmu. Penggunaan *WeChat* bukan sahaja dapat mengubah tingkah laku negatif yang ada pada pelajar kumpulan ini, malah dapat membentuk tingkah laku positif dalam kuliah selepas penggunaan aplikasi *WeChat*. Namun, hanya dua orang sahaja yang tidak setuju dengan penggunaan *WeChat* dalam proses P&P. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa penggunaan *WeChat* amat berkesan bagi saya selaku pensyarah bagi memastikan

proses pengajaran berjalan lancar dan isi pelajaran yang disampaikan dapat diikuti dengan baik oleh pelajar.

Refleksi Penilaian Tindakan

Dalam penyelidikan ini, penggunaan *WeChat* dalam P&P kursus Pengajaran Kurikulum BC Sekolah Rendah membawa kesan positif kepada 25 orang pelajar PISMP BC yang merupakan peserta kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar dapat memberikan tumpuan yang lebih lama dan lebih berminat dalam sesi P&P selepas penggunaan *WeChat*. Mereka telah menunjukkan perubahan sikap daripada yang negatif kepada yang positif dan melibatkan diri secara aktif semasa kuliah dijalankan. Walau bagaimanapun, masih ada kelemahan dari segi penggunaan *WeChat* iaitu slaid kuliah hanya dapat dimuat turun semasa talian lancar dan sebaliknya.

Penyelidikan ini turut memberi kesan terhadap amalan sendiri sebagai seorang pensyarah. Kami meningkatkan amalan sendiri dari segi penyediaan bahan bantu mengajar dan penggunaan kaedah yang lebih menarik dan tidak membosankan pelajar semasa P&P. Kemahiran *interpersonal* kami turut meningkat dalam membantu kami membentuk diri menjadi seorang pensyarah yang berkesan.

Sepanjang pelaksanaan tindakan, banyak ilmu baharu telah kami peroleh terutamanya dari aspek metodologi dalam melaksanakan penyelidikan tindakan dan membuat tinjauan literatur yang memerlukan pembacaan yang luas. Kami juga banyak mempelajari cara-cara mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data yang dikumpul. Begitu juga dengan kemahiran menulis laporan dan artikel bentuk akademik dalam meningkatkan amalan profesional sebagai seorang penyelidik. Penyelidikan tindakan ini juga menambah pengalaman dan menyuntik minda kami untuk mengaplikasikan semua kemahiran dalam proses P&P kami.

Cadangan Kitaran Seterusnya

Setelah menjalankan penyelidikan tindakan ini, dapatan kajian yang positif telah membentuk hasrat kami untuk melanjutkan kajian ini pada kajian lain yang berkaitan dengan penggunaan *WeChat* dalam P&P bagi kitaran seterusnya. Oleh itu, kami akan menambah baik penggunaan aplikasi ini pada masa akan datang dalam kaedah P&P lain seperti perbincangan kumpulan dan tutorial.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, P&P melalui penggunaan *WeChat* telah memberikan kesan positif kepada setiap pelajar PISMP BC yang terlibat sebagai peserta kajian. Kami telah berjaya meningkatkan proses pengajaran kami, meningkatkan pengetahuan, minat belajar dan penglibatan pelajar dalam P&P kami. Melalui penggunaan *WeChat*, pelajar bukan saja dapat meningkatkan pemahaman dalam proses pembelajaran malah dapat meningkatkan motivasi dan tumpuan mereka untuk belajar sama ada di dalam atau di luar kelas.

Rujukan

Analisa Hamdan, Rosseni Din, Siti Zuraida Abdul Manaf, Nor Syazwani Mat Salleh, Intan Farahana Kamsin, Helmi Norman, ...Ahmad Syukri Mohamad Zaid. (2012). Penerimaan M-pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui *The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)*: Satu analisis literatur. Kertas kerja dibentang di 1st *International Conference on*

- Mobile Learning, Applications, and Service*, 18-20 September 2012 di Hotel Hatten, Melaka.
- Donald, J.L. (2003). *Wireless messaging demystified: SMS, EMS, MMS, IM, and others*. United States: McGraw-Hill Professional.
- Fleischman, J. (2001). Going mobile: New technologies in education, *Converge Magazine*.
- James, W. (1890). *Principle of psychology*. New York: Holt. Diakses dari <http://Digilib.unimed.ac.id/.../UNIMED-Proceeding-31604>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kolahi, S. S. (2002). Evolution towards third generation wireless networks. Kertas kerja dibentangkan pada 15th Annual Conference of the National Advisory Committee on Computing Qualifications: *Technology and Innovation: New Understandings and Influences*, 2-5 July 2012 di Hamilton, New Zealand.
- Lim Keat Heng. (2000). *Pungutan data kualitatif melalui pemerhatian*. Kertas kerja disampaikan pada Kursus Pendek Kelolaan Maktab "Pemerhatian koperatif berasaskan kajian tindakan". Kota Samarahan: Maktab Perguruan Samarahan, Sarawak.
- Metcalf, D., Milrad, M., Cheek, D., Raasch, S., & Hamilton, A. (2008). My sports pulse: Increasing students' interest in STEM disciplines through sports themes, games and mobile technologies. *Proceedings of WMUTE'08, IEE, Computer Society*, 23-30.
- Mohd. Majid Konting. (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Wood, K. (2003). *Introduction to mobile learning (m-learning)*. Dimuat turun pada 20 Februari 2012 dari <http://ferl.becta.org.uk/display.cfm>
- Zurita, G., & Nussbaum, M. (2004). A constructivist mobile learning environment supported by a wireless handheld network. *Journal of Computer Assisted Learning*, 20(4), 235–243.